A

MOHAMMAD ZAIDIE ZAWAWI lwn. DATO' ABDUL RAZAK MUSA (PENGERUSI, LEMBAGA PENCEGAHAN JENAYAH) & YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HANIPAH FARIKULLAH HMR
B LEE SWEE SENG HMR
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI HMR
[RAYUAN SIVIL NO: W-01(A)-467-09-2019]
21 JANUARI 2021

C ***UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN:*** *Semakan kehakiman – Kesahan keputusan pihak berkuasa awam – Cabaran terhadap keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah berkaitan perintah pengawasan polis – Perintah dikeluarkan bawah s. 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('APJ') – Sama ada hak perayu bawah per. 5 dan 151 Perlembagaan Persekutuan dipatuhi – Sama ada pendaftaran nama*
D *perayu dalam Daftar seperti yang diperlukan bawah s. 12 APJ – Sama ada peruntukan-peruntukan berkaitan perintah sekatan bawah APJ dipenuhi – Sama ada perintah teratur*

PENTAFSIRAN STATUT: *Definisi – Perkataan 'boleh' dan 'hendaklah' – Akta Pencegahan Jenayah 1959, ss. 12 & 13 – Sama ada terjumlah pada kewajipan*
E *menyamai perkataan 'hendaklah' – Pertimbangan-pertimbangan yang diambil kira*

Ini adalah rayuan pemohon ('perayu') terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') menolak permohonan semakan kehakiman perayu mencabar keputusan Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah ('responden pertama') berhubung satu perintah pengawasan polis bertarikh 30 Januari 2019 ('PPP')
F yang dikeluarkan bawah s. 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('APJ'). Bawah PPP tersebut, perayu telah disekat di kawasan Pekan Paroi, Daerah Seremban, Negeri Sembilan untuk tempoh dua tahun mulai 10 Januari 2019 hingga 29 Januari 2021. Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi perayu bawah PPP adalah perayu dikehendaki sentiasa memberitahu di mana tempat
G tinggalnya pada Ketua Polis Daerah dan melaporkan diri di Balai Polis Paroi pada tiap-tiap hari lsnin dan Khamis setiap minggu sepanjang perayu menjalani PPP. Di Mahkamah Tinggi, perayu menghujahkan, antara lain, bahawa: (i) hak perayu bawah per. 5 dan per. 151 Perlembagaan Persekutuan tidak dipatuhi; (ii) pendaftaran nama perayu dalam Daftar bawah s. 12 APJ
H tidak teratur kerana tidak mematuhi kehendak s. 13 APJ; (iii) perayu tidak pernah dibawa ke hadapan Pendaftar ataupun pihak polis untuk diambil cap jari dan gambar foto sebelum dibawa ke Pekan Paroi; dan (iv) perayu tidak diberitahu akan sebab-sebab atau alasan-alasan dia dikenakan PPP dan disekat kediamannya di Pekan Paroi. Dengan itu, PPP yang dikeluarkan
I responden pertama didakwa kabur, tidak jelas dan defektif. Isu-isu yang perlu diputuskan dalam rayuan ini adalah (i) berkaitan dengan pentafsiran undang-

undang, iaitu mengenai pematuhan prosedur di bawah s. 13 APJ; dan (ii) pematuhan bawah s. 4A APJ yang dihujahkan perayu bahawa pihak responden gagal membuktikan bahawa sesalinan laporan lengkap siasatan oleh pegawai inkuiri telah dikemukakan kepada responden kedua.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi)

Oleh Che Mohd Ruzima Ghazali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Perkataan yang digunakan bawah s. 12 adalah 'shall keep a Register' dan 'shall be entered the name'. Manakala bawah s. 13, perkataan yang digunakan adalah 'Any police officer of or above the rank of Inspector may'. Untuk menentukan sama ada perkataan 'boleh' yang diperuntukkan bawah satu-satu undang-undang terjumlah pada kewajipan yang menyamai penggunaan perkataan 'hendaklah', pertimbangan yang perlu diambil kira termasuk: (i) ruang lingkup dan objek undang-undang; (ii) skim umum undang-undang berdasarkan peruntukan-peruntukan yang jelas dan nyata; (iii) sama ada kuasa budi bicara yang dinyatakan diiringi dengan tugas atau tanggungjawab; dan (iv) sama ada kuasa budi bicara yang diperuntukkan melibatkan hak dan kepentingan seseorang atau melibatkan kemaslahatan umum. (perenggan 13 & 19)

(2) Akta Pencegahan Jenayah digubal khusus untuk tujuan pencegahan jenayah di Malaysia. Melalui APJ, penjenayah, ahli kongsi gelap, pengganas serta orang-orang lain yang tidak diingini boleh dikenal pasti dan disenaraikan untuk dikawal dan diuruskan secara berkesan. Oleh itu, satu Daftar khusus diwujudkan bawah APJ sepertimana dinyatakan bawah s. 12 APJ. Pendaftar, yang juga adalah Pendaftar bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 ('Akta 7') diberi tanggungjawab untuk menyimpan dan seterusnya memasukkan nama setiap orang yang diyakini anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan dalam Daftar bersama-sama dengan butir-butir lain yang ditetapkan. Perkataan 'hendaklah' digunakan bawah s. 12 untuk menggambarkan tanggungjawab Pendaftar. (perenggan 20)

(3) Seksyen 13 APJ pula memperuntukkan bahawa mana-mana pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas 'boleh', melalui satu arahan bertulis, mengarahkan mana-mana orang yang namanya perlu disenaraikan dalam Daftar agar hadir di hadapannya untuk diambil cap jari dan dirakam gambar atau dicatatkan apa-apa butiran lain yang telah ditetapkan. Setelah nama-nama orang yang diyakini anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan dimasukkan ke dalam Daftar, barulah Lembaga Pencegahan Jenayah boleh mengeluarkan perintah pengawasan polis bawah s. 15 APJ atau mengeluarkan perintah tahanan bawah s. 19A APJ. (perenggan 21 & 22)

A **(4)** Skim umum APJ hanya mengkehendaki nama orang yang diyakini anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan sahaja disimpan dalam Daftar bersama-sama dengan butiran-butiran lain yang ditetapkan. Dengan itu, hanya nama, nombor kad pengenalan dan alamat orang yang dipercayai anggota mana-mana kategori yang boleh
B didaftarkan sahaja sudah memadai untuk tujuan pendaftaran bawah s. 12 APJ. Kesemua butir-butir tersebut dengan mudah boleh diperoleh daripada kad pengenalan orang yang namanya hendak dimasukkan dalam Daftar. Pengambilan cap jari dan perakaman gambar foto orang yang dipercayai anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan
C oleh pegawai polis bawah s. 13 APJ hanya satu opsyen dan bukan satu kewajipan. (perenggan 23)

(5) Perayu telah dihadkan untuk tinggal di Paroi, Negeri Sembilan melalui PPP yang dikeluarkan responden kedua. Antara syarat-syarat yang dikenakan dan perlu dipatuhi perayu bawah PPP adalah, perayu
D dikehendaki sentiasa memberitahu di mana tempat tinggalnya kepada Ketua Polis Daerah dan melaporkan diri di Balai Polis Paroi pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis setiap minggu sepanjang perayu menjalani PPP. Dalam keadaan tersebut, pengambilan dan rakaman gambar foto dan cap jari perayu bukan satu keperluan. Pihak polis yang buat
E pengawasan boleh dengan mudah mengenali perayu berdasarkan kad pengenalan yang dibawanya. Oleh itu, tidak ada sebab untuk mentafsirkan perkataan 'boleh' yang diperuntukkan bawah s. 13 APJ sebagai satu kewajipan yang membawa maksud 'hendaklah'. Pegawai polis hanya diberikan kuasa budi bicara untuk mengambil cap jari dan merakam gambar foto serta mencatatkan butiran-butiran lain yang
F ditetapkan sekiranya keadaan memerlukan. (perenggan 24 & 26)

(6) Daftar yang disimpan Pendaftar bawah Akta 7 berbeza sama sekali daripada Daftar yang disimpan Pendaftar bawah APJ. Bawah s. 7 Akta 7, Pendaftar dikehendaki menyimpan dan menyenggara daftar yang
G mengandungi butir-butir boleh daftar seperti yang ditafsir bawah s. 2 Akta 7. Tanggungjawab pegawai merekod bawah s. 5 Akta 7 juga jelas berbeza dengan budi bicara pegawai polis bawah s. 13 APJ. Walaupun Akta 7 merujuk pada seseorang yang diletakkan bawah suatu perintah kediaman, ini tidak terpakai pada orang yang dikenakan perintah
H pengawasan polis bawah s. 15 APJ. lni kerana PPP yang dikeluarkan responden kedua bawah APJ adalah satu perintah khusus bawah satu undang-undang khusus. Oleh itu, peruntukan umum bawah Akta 7 tidak terpakai. Apabila mentafsir satu undang-undang, peruntukan spesifik mengatasi peruntukan umum. Oleh itu, isu pertama diputuskan tidak bermerit dan perlu ditolak. (perenggan 27-30, 32 & 34)

I

(7) Isu kedua berkaitan pematuhan bawah s. 4A APJ juga diputuskan tidak bermerit dan ditolak. Jelas daripada keterangan-keterangan afidavit bahawa laporan-laporan lengkap penyiasatan terhadap perayu bawah s. 4A APJ telah diserahkan oleh pegawai penyiasat kepada pegawai inkuiri. Setelah selesai menjalankan siasatan ke atas perayu, pegawai inkuiri telah mengemukakan laporan lengkap bertulis mengandungi alasan-alasan berserta dapatan kepada responden kedua. Penerimaan laporan-laporan pegawai penyiasat dan pegawai inkuiri oleh responden kedua disahkan oleh responden pertama. Oleh itu, tiada sebab untuk mahkamah menolak pernyataan berkaitan dengan fakta bahawa laporan-laporan tersebut telah diserahkan secara sempurna. Tambahan lagi, keterangan-keterangan afidavit yang dikemukakan saling menyokong dan tidak timbul keperluan untuk mengemukakan bukti serahan. (perenggan 35, 37 & 40)

English *Headnotes*

This was an appeal by the appellant against the decision of the High Court Judge ('HCJ') dismissing the appellant's application for judicial review to challenge the decision of the Chairman of the Crime Prevention Board ('first respondent') in relation to a police supervision order dated 30 January 2019 ('PSO') issued under s. 15 of the Prevention of Crime Act 1959 ('POCA'). Under the PSO, the appellant was detained at the area of Paroi Town, Seremban District, Negeri Sembilan for a period of two years from 10 January 2019 to 29 January 2021. Among the conditions to be complied with by the appellant under the PSO were that the appellant must always notify his place of residence to the District Police Chief and report himself at the Paroi Police Station on every Monday and Thursday of every week during the PSO term. At the High Court, the appellant contended, *inter alia*, that: (i) the appellant's rights under arts. 5 and 151 of the Federal Constitution was not complied with; (ii) the registration of the appellant's name in the Register under s. 12 of the POCA was irregular for non-compliance with s. 13 of the POCA; (iii) the appellant was never produced before the Registrar or police for his fingerprints and photograph to be taken before he was taken to Paroi Town; and (iv) the appellant was not informed of the reasons or grounds for the imposition of PSO and detention at his residence at Paroi Town. Hence, the PSO issued by the first respondent was alleged to be ambiguous, vague and defective. The issues for determination in this appeal were (i) in relation to the interpretation of the law, *ie*, with regard to compliance under s. 13 of the POCA; and (ii) on compliance under s. 4A of the POCA as contended by the appellant that the respondent had failed to establish that a copy of a complete investigation report by the inquiry office had been produced to the second respondent.

Held (dismissing appeal; sustaining decision of High Court)
Per Che Mohd Ruzima Ghazali JCA delivering the judgment of the court:

(1) The words used under s. 12 are 'shall keep a Register' and 'shall be entered the name'. Whereas under s. 13, the words used are 'Any police officer of or above the rank of Inspector may'. In order to determine whether the word 'shall' under any law amounted to duty which is equivalent to the use of word 'may', the considerations to be taken into account include: (i) scope and object of law; (ii) general scheme of law based on clear and explicit provisions; (iii) whether discretionary powers are accompanied by duties or responsibilities; and (iv) whether the discretionary powers provided involve a person's rights and interests or involve public interest.

(2) The POCA was specially drafted for the prevention of crime in Malaysia. Through the POCA, the criminals, gang members, terrorists as well as other unwanted people could be identified and listed to be effectively controlled and dealt with. Therefore, one specific Register was created under the POCA as stated under s. 12 of the POCA. The Registrar, who is also a Registrar under the Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969 ('Act 7') was given the responsibility to keep and thereafter insert the names of every person who was believed to be a member of any of the registrable categories in the Register together with any other specified details. The word 'shall' was used under s. 12 to reflect the responsibility of the Registrar.

(3) Whereas s. 13 of the POCA provides that any police officer of or above the rank of Inspector 'may', by order in writing, direct the attendance before him of any person whose name is required to be entered in the Register for the purpose of taking the finger impressions and photograph or obtaining any particulars as prescribed. Once the names of the persons believed to be the member of any of the registrable categories were entered into the Register, only then could the Crime Prevention Board issue the police supervision order under s. 15 of the POCA or issue a detention order under s. 19A of the POCA.

(4) The general scheme of the POCA only requires the name of the person who is believed to be the member of any registrable categories only to be kept in the Register together with other particulars as prescribed. Therefore, only the name, the number of the identity card, and the address of any person believed to be a member of any registrable categories is sufficient for the purpose of registration under s. 12 of the POCA. All such details could be easily obtained from the identity card of the person whose name has been entered in the Register. The taking of the fingerprints and photograph of the person believed to be a member of any registrable categories by a police officer under s. 13 of the POCA is only an option and not an obligation.

(5) The appellant had been restricted to stay at Paroi, Negeri Sembilan *via* the PSO issued by the second respondent. Among the conditions imposed and must be complied with by the appellant under the PSO was that the appellant was required to always notify the place of his stay to the District Police Officer and report himself at the Paroi Police Station on every Monday and Thursday every week during the period the appellant undergo the PSO. In such situation, the taking of the appellant's photograph and fingerprints was not a necessity. The supervising police officer could easily identify the appellant based on his identity card that he was carrying with him. Therefore, there was no reason to define the word 'may' under s. 13 of the PCA as an obligation that carries the meaning of 'shall'. The police officer was only provided with a discretionary power to take the fingerprints and photograph as well as record any other particulars as prescribed as the situation requires.

(6) The Register kept by the Registrar under Act 7 is completely different from the Register kept by the Registrar under the POCA. Under s. 7 of Act 7, the Registrar is required to keep and maintain the register containing registrable particulars as defined under s. 2 of Act 7. The responsibility of the recording officer under s. 5 of Act 7 is also clearly different from the discretion of a police officer under s. 13 of the POCA. Although Act 7 refers to a person placed under a restricted residence order, it is not applicable to a person under the police supervision order under s. 15 of the POCA. This is because the PSO issued by the second respondent under the POCA was a specific order under a specific law. Therefore, the general provision under Act 7 was inapplicable. In interpreting the law, a specific provision prevails over the general provision. Hence, the first issue was held to be without merit and ought to be dismissed.

(7) The second issue concerning the compliance under s. 4A of the POCA was also held to be without merit and must be dismissed. It was clear from the affidavit evidence that the complete reports of investigation against the appellant under s. 4A of the POCA had been handed by the investigation officer to the inquiry officer. Upon completing the investigation on the appellant, the inquiry officer had submitted the complete written reports containing the grounds as well as the findings to the second respondent. The receipt of the investigation officer and the inquiry officer's reports by the second respondent was affirmed by the first respondent. Hence, there was no reason for the court to dismiss the statements concerning the facts that the services of the reports were in order. Furthermore, the affidavit evidence were corroborative of one another and there was no necessity to adduce proof of service.

Kes-kes yang dirujuk:

Edward Liew lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah Malaysia (Penguasa Kanan Pusat Pemulihan Akhlak, Bentong, Pahang Darul Makmur) [2017] 1 LNS 1462 HC ***(dirujuk)***

Julius v. Lord Bishop of Oxford [1874-80] All ER Rep 43 ***(dirujuk)***

Kekatong Sdn Bhd v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd [1998] 2 CLJ 266 CA ***(dirujuk)***

Luggage Distributors (M) Sdn Bhd v. Tan Hor Teng & Anor [1995] 3 CLJ 520 CA ***(dirujuk)***

Pankaj Jain v. Union of India [2018] 1 SCeJ 471 ***(dirujuk)***

Sivaraj Muniandy lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah Malaysia, Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johar Darul Takzim [2017] 1 LNS 1092 HC ***(dirujuk)***

State of Kerala & Ors v. Kandath Distilleries [2013] 6 SCC 573 ***(dirujuk)***

State of Uttar Pradesh v. Jogendra Singh, AIR 1963 SC 1618 ***(dirujuk)***

Thanimalai & Government Of Malaysia v. Lee Ngo Yew [1974] 1 LNS 177 FC ***(dirujuk)***

WTWT Sdn Bhd v. Chew Meu Jong & Ors And Another Case [2018] 1 LNS 1458 HC ***(dirujuk)***

Yap Chian Loon lwn. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia [2007] 1 LNS 198 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Prevention of Crime Act 1959, ss. 4A, 12(1), 13, 14, 15, 19A, 23(2)(c)
Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969, ss. 2, 5(d), 7, 13
Federal Constitution, arts. 5, 151

Abkari Act 1902 [Ind], s. 14
U.P. Disciplinary Proceedings (Administrative Tribunal) Rules 1947 [Ind], r. 4(2)

Sumber-sumber yang dirujuk:

NS Bindra, *Interpretation Of Statutes,* Edisi Kelapan, 2001, ms 614

Bagi pihak perayu - Gobind Singh Deo & Abdullah Abbas Abdul Munir; T/n Abbas Khairil & Partners
Bagi pihak responden - Zulkpli Abdullah; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali HMR:

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan yang dikemukakan Mohammad Zaidie bin Zawawi (perayu) terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) Kuala Lumpur yang telah menolak permohonan semakan kehakiman perayu bagi mencabar keputusan Dato' Abdul Razak bin Musa, Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah (responden pertama) berhubung dengan satu perintah pengawasan polis bertarikh 30 Januari 2019 (PPP) yang dikeluarkan di bawah s. 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (APJ). Di bawah PPP tersebut, perayu/pemohon telah disekat di kawasan Pekan Paroi, Daerah Seremban, Negeri Sembilan untuk tempoh dua tahun mulai 10 Januari 2019 hingga 29 Januari 2021.

Latar Belakang Permohonan

[2] Perayu telah ditangkap pada 11 Februari 2018 dan telah dibawa ke hadapan Majistret pada keesokan harinya untuk pihak polis mendapatkan perintah tahanan reman di bawah APJ. Majistret telah memerintahkan pemohon ditahan reman selama 21 hari bermula pada 12 Disember 2018.

[3] Pada 31 Disember 2018, perayu sekali lagi dibawa ke hadapan Majistret dan di atas permohonan pihak polis, perintah tahanan reman pemohon telah disambung selama 38 hari lagi iaitu dari 31 Disember 2018 hingga 6 Februari 2019. Dalam tempoh tersebut, satu inkuiri telah dijalankan pegawai siasatan Kementerian Dalam Negeri pada 4 Januari 2019 di lbu Pejabat Polis Putrajaya.

[4] Melalui PPP bertarikh 30 Januari 2019 yang dikeluarkan responden pertama, perayu telah disekat dan hanya boleh tinggal di Pekan Paroi, Daerah Seremban, Negeri Sembilan untuk tempoh dua tahun mulai 10 Januari 2019 hingga 29 Januari 2021. Terkilan dengan keputusan responden pertama tersebut, perayu mengemukakan permohonan untuk semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

[5] Semasa di Mahkamah Tinggi, peguam perayu berhujah bahawa hak perayu di bawah per. 5 dan per. 151 Perlembagaan Persekutuan telah tidak dipatuhi. Selain itu, pendaftaran nama perayu ke dalam Daftar bawah s. 12 APJ tidak teratur kerana tidak mematuhi kehendak bawah s. 13 APJ. Perayu tidak pernah dibawa ke hadapan Pendaftar ataupun pihak polis untuk diambil cap jari dan gambar foto sebelum dibawa ke Pekan Paroi. Akhirnya, peguam perayu berhujah bahawa perayu tidak diberitahu akan sebab-sebab atau alasan-alasan dia dikenakan PPP dan disekat kediamannya di Pekan Paroi. Dengan itu, PPP yang dikeluarkan responden pertama kabur, tidak jelas dan defektif.

Keputusan HMT

[6] HMT mendapati hanya ada dua isu yang perlu diputuskan iaitu:

i. Ketidakpatuhan prosedur bawah s. 13 APJ; dan

ii. Ketidakpatuhan prosedur bawah s. 4A APJ.

Bagi isu pertama, diputuskan bahawa pematuhan peruntukan bawah s. 13 APJ bukanlah mandatori. HMT merujuk kepada keputusan mahkamah di dalam kes *Yap Chian Loon v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia* [2007] 1 LNS 198; [2007] MLJU 399 yang memberikan penjelasan mengenai perbezaan penggunaan perkataan 'boleh' (may) dan 'hendaklah' (shall) di bawah sesuatu peruntukan undang-undang. HMT seterusnya merujuk kepada peruntukan s. 12(1) APJ dan mendapati bahawa tidak ada apa-apa prasyarat yang menyatakan pendaftaran nama perayu di dalam

Daftar tertakluk kepada pematuhan bawah s. 13 APJ. Berhubung dengan pematuhan prosedur bawah s. 4A APJ pula, HMT mendapati bahawa tiada sebarang perlanggaran yang berlaku berdasarkan keterangan afidavit yang dikemukakan responden-responden.

Alasan-Alasan Rayuan Perayu

[7] Walaupun perayu menyenaraikan enam alasan di dalam memorandum rayuan, ia masih berlegar di sekitar dua isu yang diputuskan HMT. Perenggan pertama memorandum menyatakan alasan yang berbentuk umum sahaja. Manakala perenggan kedua hingga kelima memorandum berkait dengan pematuhan prosedur di bawah s. 13 APJ dan hanya ada satu alasan sahaja yang berhubung dengan pematuhan di bawah s. 4A APJ iaitu di perenggan keenam. Semasa berhujah, sama ada di dalam hujahan bertulis ataupun hujahan lisan di hadapan kami, peguam perayu juga banyak memberikan tumpuan kepada isu pematuhan di bawah s. 13 APJ.

Dapatan Kami Di Peringkat Rayuan

[8] Bagi isu pertama iaitu isu ketidakpatuhan prosedur di bawah s. 13 APJ, peguam perayu menegaskan bahawa PPP yang dikeluarkan responden pertama terhadap perayu tidak sah kerana gagal mematuhi kehendak di bawah s. 12 dan s. 13 APJ. Dihujahkan bahawa, pihak responden gagal mengambil cap jari dan merakam gambar foto perayu sepertimana kehendak di bawah s. 13 APJ walaupun nama perayu telah didaftarkan bagi mematuhi kehendak s. 12 APJ. Dengan itu, pihak responden dikatakan telah gagal mematuhi suatu peruntukan yang mandatori. Bagi peguam perayu, perkataan 'boleh' di bawah s. 13 APJ adalah berbentuk arahan dan berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Thanimalai & Government Of Malaysia v. Lee Ngo Yew* [1974] 1 LNS 177; [1975] 1 MLJ 125 serta keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Kekatong Sdn Bhd v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd* [1998] 2 CLJ 266; [1998] 2 MLJ 440, perkataan 'boleh' tersebut mestilah membawa maksud 'hendaklah'.

[9] Peguam perayu seterusnya menyatakan HMT silap semasa membuat kesimpulan dan seterusnya silap semasa memutuskan bahawa perkataan 'boleh' di bawah s. 13 APJ bukanlah satu peruntukan mandatori, sedangkan s. 12 dan s. 13 APJ berada di Bahagian III APJ iaitu bahagian yang berkait dengan pendaftaran orang yang dipercayai sebagai anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan. Alasannya, "Pendaftar" di bawah LPJ adalah juga "Pendaftar" di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 (Akta 7).

[10] Seterusnya dihujahkan bahawa peruntukan Akta 7 perlulah dipatuhi kerana makna "butir-butir boleh daftar" di bawah Akta 7 termasuklah "nama, perihalan, gambar foto dan cap jari atau pengelasan cap jari bagi mana-mana orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan boleh daftar, atau bagi mana-mana orang dibuang negeri, orang dinyah negeri, orang diusir atau

orang terhad". Manakala "orang terhad" ditakrifkan di bawah s. 2 Akta 7 sebagai "sesiapa jua yang diperintahkan supaya diletakkan di bawah kediaman terhad di bawah mana-mana undang-undang bertulis dalam Persekutuan yang berhubungan dengan kediaman terhad". Oleh itu, orang yang dikenakan perintah pengawasan polis di bawah s. 15 APJ juga termasuk di bawah makna "orang terhad" di bawah Akta 7 dan perlulah direkodkan butir-butir sepertimana yang dikehendaki di bawah Akta tersebut. Kegagalan mematuhi s. 13 APJ adalah satu ketidakpatuhan prosedur yang boleh menjejaskan kesahihan PPP yang dikeluarkan responden pertama terhadap perayu. Dengan itu, perayu memohon mahkamah membatalkan PPP tersebut.

[11] Peguam Kanan Persekutuan yang mewakili pihak responden sebaliknya berhujah bahawa tidak ada silapnya dengan keputusan HMT. Perkataan 'boleh' di bawah s. 13 APJ bukanlah satu keperluan mandatori merujuk kepada keputusan kes Mahkamah Tinggi di dalam kes *Yap Chian Loon* (*supra*). Selain itu, keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Edward Liew lwn. Lembaga Pencegahan Jenayah Malaysia (Penguasa Kanan Pusat Pemulihan Akhlak, Bentong, Pahang Darul Makmur)* [2017] 1 LNS 1462 dan kes *Sivaraj Muniandy lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah Malaysia, Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johar Darul Takzim* [2017] 1 LNS 1092 yang telah memutuskan isu-isu yang sama juga dirujuk.

[12] Berdasarkan hujahan peguam perayu tersebut, jelaslah bahawa isu pertama di hadapan kami adalah berkait dengan pentafsiran undang-undang, iaitu mengenai pematuhan prosedur di bawah s. 13 APJ. Untuk memudahkan rujukan dan pemahaman, diperturunkan keseluruhan peruntukan Bahagian III APJ sepertimana berikut:

PART III

REGISTRATION

Registration of persons believed to be members of any of the registrable categories

12(1) The Registrar shall keep a Register for the purposes of this Act, in which shall be entered the name of every person:

(a) who is reported by an Inquiry Officer to be a person in respect of whom there are reasonable grounds for believing that he is a member of any of the registrable categories; and

(b) who has not requested any review under section 11, or in respect of whom the Board has confirmed the finding made under subsection 10(2) or made or confirmed the decision under paragraph 10(3)(b),

together with such other particulars as may be prescribed.

A (2) The Board may, if it considers in the interest of public order or security to do so, with or without inquiry under this Act direct the Registrar to enter in the Register the name, and such other particulars as may be prescribed, of any person who is a member of any of the registrable categories prescribed in Part II of the First Schedule.

B **Person to be registered to attend before a police officer**

13(1) Any police officer of or above the rank of Inspector may, by order in writing, direct the attendance before him at such time and place as may be specified in the order of any person whose name is required to be entered in the Register, for the purpose of:

C (a) taking the finger impressions and photograph of the person;

(b) obtaining any other particulars relating to the person as may be prescribed or as may be necessary for effecting any such registration.

(2) If any person fails to attend as so directed a police officer may report the failure to a Magistrate who shall thereupon issue a warrant to secure
D the attendance of that person as required.

Removal of name from the Register

14. The Board may at any time in its discretion direct the Registrar to remove the name of any person from the Register, and thereupon the person shall cease to be a registered person, unless his name is
E subsequently re-entered in the Register in accordance with section 12.

[13] Daripada pembacaan secara harfiah ke atas peruntukan s. 12 dan s. 13 APJ, nampaknya penggubal undang-undang memberikan tanggungjawab yang berbeza kepada Pendaftar di bawah s. 12 dan kepada mana-mana
F pegawai polis yang berpangkat lnspektor atau yang berpangkat lebih tinggi di bawah s. 13. Perkataan yang digunakan di bawah s. 12 adalah 'shall keep a Register' dan 'shall be entered the name'. Manakala bawah s. 13, perkataan yang digunakan adalah 'Any police officer of or above the rank of Inspector may'. Persoalannya, apakah perkataan 'boleh' di bawah s. 13 perlu dibaca sebagai satu arahan yang berbentuk suatu kewajipan iaitu 'hendaklah'
G sepertimana yang dihujahkan peguam perayu?

[14] Prinsip undang-undang berhubung dengan tafsiran perkataan 'boleh' yang digunakan penggubal sama ada ia berbentuk suatu kewajipan ataupun hanya berbentuk pilihan adalah jelas. Lumrahnya, penggunaan perkataan
H 'boleh' bukannya bermaksud untuk memaksa tetapi lebih kepada memberikan pilihan kepada pihak yang dikenakan tanggungjawab. Namun begitu, ada kalanya perkataan 'boleh' ditafsirkan sebagai suatu kewajipan. Lord Cains di dalam kes *Julius v. Lord Bishop of Oxford* [1874-80] All ER Rep. 43 telah menggariskan prinsip pentafsiran sepertimana berikut:

I

There may be something in the nature of the thing empowered to be done, something in the object for which it is to be done, something in the conditions under which it is to be done, something in the title of the person or persons for whose benefit the power is to be exercised, which may couple the power with a duty and make it the duty of the person in whom the power is reposed to exercise the power when called upon to do so. A B

Where a power is deposited with a public officer for the purpose of being used for the benefit of persons specifically pointed out with regard to whom a definition is supplied by the Legislature of the conditions upon which they are entitled to call for its exercise, that power ought to be exercised and the Court will require it to be exercised. C

The enabling words are construed as compulsory whenever the object of the power is to effectuate a legal right.

[15] Sementara itu, N.S Bindra di dalam buku *Interpretation Of Statutes*, Edisi Kelapan (2001), di ms. 614 menyatakan sepertimana berikut: D

It is well settled that the use of word 'may' in a statutory provision would not by itself show that the provision is directory in nature. In some cases, the Legislature may use the word 'may' as a matter of pure conventional courtesy and yet intend a mandatory force. In order, therefore, to interpret the legal import of the word 'may' the court has to consider various factors, namely, the object and the scheme of the Act, the context and the background against which the words have been used, the purpose and the advantages sought to be achieved by the use of this word and the like. It is equally well settled that where the word 'may' involve a discretion coupled with an obligation or where it confers a positive benefit to a general class of subjects in a utility Act, or where the court advances a remedy and suppresses the mischief or where giving the word a directory significance, would defeat the very object of the Act, the word 'may' should be interpreted to convey a mandatory force. E F

[16] Di dalam kes *State of Uttar Pradesh v. Jogendra Singh*, AIR 1963 SC 1618, Mahkamah Agung di India memutuskan bahawa penggunaan perkataan 'boleh' di bawah peraturan 4(2) 'Uttar Pradesh Disciplinary Proceedings (Administrative Tribunal) Rules 1947' yang memberikan hak untuk penjawat awam yang telah diwartakan untuk meminta Gabenor merujuk kes mereka kepada Tribunal adalah suatu kewajipan. Ini adalah kerana perkataan 'boleh' tersebut dikaitkan dengan suatu tugas yang mana perlulah dilaksanakan Gabenor sekiranya mendapat permintaan. G H

[17] Manakala di dalam kes *State of Kerala & Ors. v. Kandath Distilleries* [2013] 6 SCC 573, Mahkamah Agung memutuskan bahawa perkataan 'boleh' di bawah s. 14 'Kerala Abkari Act 1902' memberi suatu kuasa budi bicara yang tidak disertai dengan suatu kewajipan kepada Pesuruhjaya untuk mengeluarkan lesen dan orang ramai tidak diberikan hak untuk menuntut I

diberikan lesen. Oleh itu, perkataan 'boleh' tersebut bukanlah suatu kewajipan. Begitu juga dengan keputusan kes *Pankaj Jain v. Union of India* [2018] 1 SCeJ 471, Mahkamah Agung memutuskan bahawa:

> 23. Section 88 of the Cr.P.C. does not confer any right on any person, who is present in a Court. Discretionary power given to the Court is for the purpose and object of ensuring appearance of such person in that Court or to any other Court into which the case may be transferred for trial. Discretion given under Section 88 to the Court does not confer any right on a person, who is present in the Court rather it is the power given to the Court to facilitate his appearance, which clearly indicates that use of word 'may' is discretionary and it is for the Court to exercise its discretion when situation so demands.

[18] Di dalam kes *Thanimalai & Government Of Malaysia v. Lee Ngo Yew* [1974] 1 LNS 177; [1975] 1 MLJ 125, Mahkamah Persekutuan semasa menimbang persoalan yang sama ada membuat pemerhatian sepertimana berikut:

> ... The question whether the legislature intends a particular provision to be mandatory or directory must in each case depend upon the scope and object of the particular statute or enactment. Further, we would have to look at the general scheme of the statute or enactment and its express provisions. Sometimes, the word "may" in a statute or enactment is given an imperative meaning. Thus, in *Alderman Backwell*'s case (1683) 1 Vern 152; 23 ER 381 the words in an Act of Parliament that the Chancellor may grant a Commission has been held to convey the imperative meaning of must. Wherever a statute directs the doing of a thing for the sake of justice or the public good, the word "may" is the same as "shall". Thus, where a statute says that the sheriff "may" take bail, it is construed to mean "shall" for he is compellable to do so. *Rex & Regina v. Barlow* 2 Salkeld 609; 91 ER 516. Having regard to the general scheme of the Government Proceedings Ordinance, 1956, it is quite clear that a duty is cast upon the Sessions Court so that on a proper construction the word "may" in section 17 must be construed to mean "shall".

[19] Berdasarkan nas-nas yang dinyatakan tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa bagi menentukan sama ada perkataan 'boleh' yang diperuntukkan di dalam sesuatu undang-undang itu terjumlah kepada suatu kewajipan yang menyamai penggunaan perkataan 'hendaklah', beberapa pertimbangan perlulah diambil kira. Di antara lainnya termasuklah:

i. ruang lingkup dan objek undang-undang,

ii. skim umum undang-undang berdasarkan peruntukan-peruntukan yang jelas dan nyata,

iii. sama ada kuasa budi bicara yang dinyatakan diiringi dengan tugas atau tanggungjawab, dan

iv. sama ada kuasa budi bicara yang diperuntukkan melibatkan hak dan kepentingan seseorang atau melibatkan kemaslahatan umum.

[20] Berbalik kepada isu pertama yang dibangkitkan perayu, kami berpendapat bahawa persoalan yang dibangkitkan perlulah dilihat dan diberikan pertimbangan berdasarkan ruang lingkup APJ itu sendiri, iaitu suatu undang-undang yang digubal khusus bagi tujuan pencegahan jenayah di Malaysia. Melalui APJ, penjenayah, ahli kongsi gelap, pengganas serta orang-orang lain yang tidak diingini boleh dikenal pasti dan disenaraikan bagi dikawal dan diuruskan secara berkesan. Bagi tujuan tersebut, diwujudkan satu Daftar yang khusus di bawah APJ sepertimana dinyatakan bawah s. 12 APJ. Pendaftar yang juga merupakan Pendaftar di bawah Akta 7 diberi tanggungjawab untuk menyimpan dan seterusnya memasukkan nama setiap orang yang diyakini anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan di dalam Daftar bersama-sama dengan butir-butir lain yang ditetapkan. Perkataan 'hendaklah' digunakan di bawah s. 12 bagi menggambarkan tanggungjawab Pendaftar.

[21] Dalam nada yang berbeza, s. 13 APJ memperuntukkan bahawa mana-mana pegawai polis berpangkat Inspektor dan ke atas 'boleh' melalui suatu arahan bertulis mengarahkan mana-mana orang yang namanya perlu disenaraikan di dalam Daftar supaya hadir di hadapannya bagi diambil cap jari dan dirakam gambar atau dicatatkan apa-apa butiran lain telah ditetapkan.

[22] Setelah nama-nama orang yang diyakini anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan dimasukkan ke dalam Daftar, barulah Lembaga Pencegahan Jenayah (responden kedua) boleh mengeluarkan perintah pengawasan polis bawah s. 15 APJ ataupun mengeluarkan perintah tahanan di bawah s. 19A APJ.

[23] Daripada peruntukan yang jelas tersebut, nampaknya skim umum APJ hanya menghendaki nama orang yang diyakini anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan sahaja disimpan di dalam Daftar bersama-sama dengan butiran-butiran lain yang ditetapkan. Menurut perenggan 23(2)(c) APJ, hanya Menteri yang boleh melalui peraturan menetapkan butiran-butiran lain tersebut. Sehingga kini, masih belum ada sebarang butiran lain yang ditetapkan Menteri untuk dimasukkan ke dalam Daftar. Dengan itu, kami berpandangan bahawa hanya nama, nombor kad pengenalan dan alamat orang yang dipercayai anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan sahaja sudah memadai bagi tujuan pendaftaran di bawah s. 12 APJ. Kesemua butir-butir tersebut dengan mudah boleh diperoleh daripada kad pengenalan orang yang namanya hendak dimasukkan ke dalam Daftar. Pengambilan cap jari dan perakaman gambar foto orang yang dipercayai anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan oleh pegawai polis di bawah s. 13 APJ hanyalah suatu opsyen dan bukannya suatu kewajipan.

[24] Di dalam tindakan ini, perayu telah dihadkan untuk tinggal di Paroi, Negeri Sembilan melalui PPP yang dikeluarkan responden kedua. Ada syarat-syarat tertentu yang dikenakan dan perlu dipatuhi perayu di bawah PPP. Di antaranya, perayu dikehendaki sentiasa memberitahu di mana tempat tinggalnya kepada Ketua Polis Daerah dan melaporkan diri di Balai Polis Paroi pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis setiap minggu sepanjang perayu menjalani PPP. Di dalam keadaan tersebut, kami berpandangan bahawa gambar foto dan cap jari perayu bukanlah suatu keperluan diambil atau dirakam. Pihak polis yang buat pengawasan boleh dengan mudah mengenali perayu berdasarkan kad pengenalan yang dibawanya. Jelasnya, walaupun nampak seperti ada tanggungjawab yang dikenakan ke atas pegawai polis semasa menjalankan budi bicara bawah s. 13 APJ, tanggungjawab tersebut tidaklah memberikan kesan kepada penguatkuasaan PPP.

[25] Dari segi hak pula, kuasa budi bicara pengambilan cap jari dan rakaman gambar foto oleh pegawai polis tidak memberikan apa-apa kelebihan kepada perayu dan ia juga tidak melibatkan apa-apa kepentingan ataupun kemaslahatan umum. Ini kerana orang ramai tidak terlibat di dalam skim undang-undang pencegahan jenayah walaupun undang-undang tersebut secara langsung bertujuan untuk melindungi mereka daripada kegiatan penjenayah, ahli kongsi gelap, pengganas atau orang-orang lain yang tidak diingini.

[26] Berasaskan keadaan-keadaan tersebut, kami berpendapat bahawa tidak ada sebab untuk mentafsirkan perkataan 'boleh' yang diperuntukkan bawah s. 13 APJ sebagai satu kewajipan yang membawa maksud 'hendaklah'. Pegawai polis hanya diberikan kuasa budi bicara untuk mengambil cap jari dan merakam gambar foto serta mencatatkan butiran-butiran lain yang ditetapkan sekiranya keadaan memerlukan.

[27] Beralih kepada hujahan peguam perayu berhubung dengan Akta 7, kami dengan hormatnya tidak dapat bersetuju dengan hujahan tersebut. Pada pandangan kami, Daftar yang disimpan Pendaftar bawah Akta 7 adalah berbeza sama sekali daripada Daftar yang disimpan Pendaftar di bawah APJ. lni adalah kerana, s. 12 APJ telah secara jelas menyatakan bahawa Pendaftar hendaklah menyimpan suatu Daftar bagi tujuan APJ dan seterusnya, Pendaftar hanya dikenakan tanggungjawab untuk memasukkan nama orang yang diyakini anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan sahaja.

[28] Manakala bawah s. 7 Akta 7, Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar yang mengandungi butir-butir boleh daftar. Tafsiran 'butir-butir boleh daftar' yang dinyatakan bawah s. 2 Akta 7 adalah sepertimana berikut:

"registrable particulars" means:

(a) the particulars of any conviction or sentence in respect of a registrable offence;

(b) the particulars of any order relating to banishees, expelees, deportees or restrictees;

(c) the name, description, photograph and finger impressions or classification of finger impressions of any person convicted of a registrable offence, or of any banishee, expelee, deportee or restrictee;

(d) the particulars which the Minister deems to be registrable particulars under paragraph 4(1)(a);

(e) the particulars which the Minister may from time to time by order published in the *Gazette* declare to be registrable particulars under paragraph 4(1)(b); or

(f) the particulars of any person which have been taken and recorded under any of the written laws repealed under this Act

[29] Di bawah s. 5 Akta 7 pula, pegawai merekod iaitu menurut tafsiran di bawah s. 2 Akta 7 adalah terdiri daripada pegawai polis, pegawai kastam atau eksais yang berhak, pegawai penjara atau pegawai imigresen yang menjaga sesuatu kes 'hendaklah' mengambil dan merekodkan cap jari, gambar foto serta butir-butir boleh daftar yang lain dalam borang cap jari. Berbeza dengan peruntukan s. 13 APJ, mana-mana pegawai polis berpangkat lnspektor dan ke atas sahaja yang 'boleh' mengarahkan mana-mana orang yang namanya perlu dimasukkan dalam Daftar supaya hadir di hadapannya untuk diambil cap jari dan dirakam gambar foto. Jelasnya, terdapat perbezaan ketara dari segi tanggungjawab pegawai merekod di bawah s. 5 Akta 7 dan budi bicara pegawai polis di bawah s. 13 APJ. Kami berpandangan bahawa bukanlah niat penggubal undang-undang untuk mengenakan tanggungjawab ke atas pegawai polis di bawah s. 13 kerana pelaksanaan dan penguatkuasaan APJ tidak memerlukan kewajipan sedemikian.

[30] Walaupun Akta 7 ada merujuk kepada seseorang yang diletakkan di bawah suatu perintah kediaman terhad seperti yang dinyatakan di perenggan 5(d) Akta 7 sebagaimana yang dihujahkan peguam perayu, kami berpandangan bahawa ia tidak terpakai kepada orang yang dikenakan perintah pengawasan polis bawah s. 15 APJ. lni adalah kerana perintah pengawasan polis yang dikeluarkan responden kedua di bawah APJ adalah merupakan satu perintah yang khusus dibuat di bawah satu undang-undang khusus. Oleh itu peruntukan umum bawah Akta 7 tidaklah terpakai.

[31] Selain itu, peruntukan khusus APJ berbanding dengan peruntukan umum Akta 7 berhubung dengan perbezaan Daftar yang disimpan Pendaftar boleh juga dilihat dengan jelas daripada peruntukan pengeluaran nama daripada Daftar bawah APJ dan penghapusan butir-butir boleh daftar bagi orang yang dikenakan perintah tahanan terhad daripada Daftar di bawah Akta 7. Bagi melihat perbezaan tersebut, diperturunkan peruntukan s. 14 APJ dan s. 13 Akta 7 sepertimana berikut:

> **Removal of name from the Register (APJ)**
>
> 14. The Board may at any time in its discretion direct the Registrar to remove the name of any person from the Register, and thereupon the person shall cease to be a registered person, unless his name is subsequently re-entered in the Register in accordance with section 12.
>
> **Minister may order destruction of particulars of banishee, etc. (Akta 7)**
>
> 13. The Minister may by order published in the *Gazette* order the destruction of the registrable particulars of any banishee, expelee or restrictee (who has not been convicted of a registrable offence) on the expiry or thereafter, or revocation of the order of banishment, expulsion or restricted residence.

[32] Adalah menjadi perkara asas di dalam membuat tafsiran sesuatu undang-undang, peruntukan spesifik akan mengatasi peruntukan umum. Mahkamah ini di dalam kes *Luggage Distributors (M) Sdn Bhd v. Tan Hor Teng & Anor.* [1995] 3 CLJ 520 di ms. 550 ada membuat pemerhatian dan seterusnya mengemukakan pandangan sepertimana berikut:

> There is another compelling reason for holding that the respondents have no caveatable interest in the land. It lies in the rule of construction expressed in the maxim *generalibus specialia derogant*. Where there are two provisions of written law, one general and the other specific, then, whether or not these two provisions are to be found in the same or different statutes, the special or specific provision excludes the operation of the general provision.
>
> Thus in *Commissioner of Income Tax v. Shahzada Nand & Sons* AIR 1966 SC 1342, where (at p. 1347) Subba Rao J, said:
>
> > Another rule of construction which is relevant to the present enquiry is expressed in the maxim *generalia specialibus non derogant*, which means that when there is a conflict between a general and a special provision, the latter shall prevail. The said principle has been stated in *Craies on Statute Law* 5th Edn., at p. 205, thus:
> >
> > > The rule is, that whenever there is a particular enactment and a general enactment in the same statute and the latter, taken in its most comprehensive sense, would overrule the former, the particular enactment must be operative, and the general enactment must be taken to affect only the other parts of the statute to which it may properly apply.
>
> See also *Public Prosecutor v. Chew Siew Luan* [1982] 2 MLJ 119.

[33] Berasaskan prinsip yang sama, *generalia specialibus non derogant,* sudah tentulah budi bicara pegawai polis berpangkat Inspektor dan ke atas yang ditetapkan secara khusus di bawah s. 13 APJ perlulah dibezakan dengan tanggungjawab secara umum pegawai merekod di bawah s. 5 Akta 7. Dengan itu, hujahan peguam perayu yang merujuk kepada peruntukan Akta 7 bagi meletakkan tanggungjawab dan bukannya budi bicara ke atas pegawai polis untuk mengambil cap jari dan merakam gambar perayu di bawah s. 13 APJ tidak dapat diterima.

[34] Isu pertama yang dibangkitkan peguam perayu bukanlah terjumlah kepada ketidakpatuhan prosedur di pihak responden. Oleh itu, isu tersebut tidak bermerit dan perlulah ditolak.

[35] Beralih kepada isu kedua iaitu soal pematuhan di bawah s. 4A APJ, peguam perayu berhujah bahawa pihak responden gagal membuktikan bahawa sesalinan laporan lengkap siasatan oleh pegawai inkuiri telah dikemukakan kepada responden kedua. Walaupun ada keterangan afidavit daripada Inspektor Mohd Hamizan bin Mohamad (pegawai penyiasat) yang menyatakan bahawa dia telah menyerahkan laporan lengkap siasatan kepada Hafizah binti Abdul Hamid (pegawai inkuiri) dan seterusnya pegawai inkuiri menyerahkan laporan lengkap kepada responden kedua serta ada keterangan afidavit responden pertama yang menyatakan bahawa responden kedua telah menerima laporan lengkap tersebut, pihak responden gagal mengemukakan sebarang bukti sokongan bagi menyokong pernyataan-pernyataan tersebut.

[36] Menurut peguam perayu lagi, setelah fakta berhubung dengan penyediaan laporan lengkap siasatan di bawah s. 4A APJ dipersoalkan perayu, pihak responden menanggung beban bagi membuktikan peruntukan s. 4A APJ telah dipatuhi, sekurang-kurangnya ditunjukkan bukti adanya penyerahan telah dibuat. HMT gagal mengambil kira satu lagi keputusan Mahkamah Tinggi di dalam keputusan kes *WTWT Sdn Bhd v. Chew Meu Jong & Ors And Another Case* [2018] 1 LNS 1458; [2018] MLJU 1360.

[37] Berhubung dengan isu kedua, perenggan 5 afidavit jawapan pegawai penyiasat secara jelas menyatakan bahawa dia telah mengemukakan sesalinan laporan lengkap penyiasatan terhadap perayu di bawah s. 4A APJ kepada pegawai inkuiri pada 28 Disember 2018 dan seterusnya kepada responden kedua pada 2 Januari 2019. Pegawai inkuiri melalui perenggan 6 afidavit jawapan telah mengesahkan penerimaan laporan lengkap penyiasatan daripada pegawai penyiasat pada 28 Disember 2018. Setelah selesai menjalankan siasatan ke atas perayu, pegawai inkuiri telah mengemukakan laporan lengkap bertulis mengandungi alasan-alasan berserta dapatan kepada responden kedua pada 28 Januari 2019 sepertimana yang dinyatakan di perenggan 16 afidavit jawapan.

[38] Sementara itu, responden pertama melalui perenggan 5 dan perenggan 6 afidavit jawapan telah mengesahkan bahawa responden kedua telah menerima laporan lengkap pegawai penyiasat pada 2 Januari 2019 serta menerima dapatan dan laporan lengkap bertulis mengandungi alasan-alasan terhadap perayu daripada pegawai inkuiri pada 28 Januari 2019.

[39] Berasaskan keterangan afidavit yang diikrarkan oleh tiga orang penjawat awam berlainan yang masing-masingnya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan secara berkanun di bawah APJ, maka tidak ada sebab untuk pihak mahkamah menolak pernyataan berkait dengan fakta yang mengatakan bahawa laporan-laporan berkenaan telah diserahkan secara sempurna. Tambahan pula, keterangan-keterangan afidavit yang dikemukakan tersebut saling menyokong di antara satu sama lain. Kami dapati bahawa tidak timbul keperluan untuk dikemukakan bukti serahan seperti yang dihujahkan peguam perayu.

[40] Dengan itu, isu kedua yang dibangkitkan peguam perayu juga tidak bermerit dan perlulah ditolak.

Keputusan

[41] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, kami sebulat suara mendapati bahawa rayuan perayu tidak bermerit diberikan pertimbangan. Rayuan perayu ditolak dan keputusan HMT dikekalkan. Tiada perintah untuk kos.